

# BN akan bincang isu gaduh

BH 17 MAR 2001

Oleh Kadir Dikoh dan Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR Jumaat – Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) akan mengadakan mesyuarat sekali lagi dalam tempoh terdekat ini bagi membincangkan isu-isu semasa termasuk insiden pergaduhan di Jalan Klang Lama baru-baru ini.

Setiausaha Agungnya Tan Sri Mohamed Rahmat berkata mesyuarat BN hari ini kesuntukan masa untuk berbincang mengenai perkara lain kerana tumpuan diberi kepada isu penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah.

Saya akan aturkan bila tarikh sesuai dalam tempoh terdekat ini untuk mengadakan mesyuarat khas BN itu. Ini memandangkan

## Beberapa pemimpin BN berpendapat mereka perlu membincangkan lebih lanjut kejadian di Jalan Klang Lama dan bersetuju dibincangkan pada mesyuarat akan datang

banyak lagi perkara yang nak dibincangkan.

Hari ini kita kesuntukan masa, katanya selepas menghadiri mesyuarat Dewan Tertinggi BN yang dipengerusikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Mohamed berkata beberapa pemimpin BN ber-

pendapat mereka perlu membincangkan lebih lanjut kejadian di Jalan Klang Lama itu dan bersetuju agenda itu dibincangkan pada mesyuarat akan datang.

Mesyuarat hari ini dimulakan dengan pertemuan Dr Mahathir dengan Badan Perhubungan Umno Sabah di tingkat 39 PWTC selama kira-kira tiga jam

mulai jam 8 pagi.

Ini diikuti pertemuan Dr Mahathir dengan pemimpin kanan lima parti komponen BN yang berpangkalan di Sabah bagi membincangkan isu penggiliran jawatan Ketua Menteri.

Dr Mahathir kemudian bertemu pemimpin kanan mewakili kesemua 14 parti komponen bagi mem-

perjelaskan keputusan berkisar kepada sistem penggiliran itu yang dikalkan dengan sedikit pin daan.

Mesyuarat BN hari ini adalah yang pertama untuk tahun ini. Dewan Tertinggi gabungan itu bermesyuarat dua kali setahun dan mesyuarat lalu diadakan pada 25 Julai tahun lalu.

Mohamed berkata mesyuarat khas BN akan datang juga dijangka membincangkan permohonan empat parti politik untuk menyertai BN iaitu Barisan Kemajuan India SeMalaysia (IPF), Kongres India Muslim Malaysia (Kimma), Berjasa dan Parti Punjabi Malaysia (PPM).

Mesyuarat Dewan Tertinggi BN pada 25 Julai lalu

menangguhkan keputusan untuk menerima kemasukan empat parti itu ke dalam gabungan BN kerana tidak mendapat persetujuan sebulat suara dari pada 14 anggotanya.

Mengikut kebiasaan sebarang kemasukan parti baru ke dalam gabungan BN perlu mendapat sokongan bulat daripada semua anggotanya.